

MB seru Umno kaji taraf hidup keluarga di kawasan masing2

PORT DICKSON, Isnin - Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Haji Abdul Samad menyeru setiap bahagian dan cawangan Umno mengkaji kependudukan di kawasan masing-masing bagi mengenal-pasti taraf hidup setiap keluarga.

Katanya, dari data-data yang lengkap ini, Kerajaan Negeri akan dapat menilai dan merancang sesuatu yang lebih baik untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Menurut Datuk Mohd Isa, segala maklumat yang akan disampaikan itu hendaklah dibuat dengan jujur dan ikhlas.

Ketika berucap menyampaikan derma kepada fakir miskin di Sekolah Agama Teluk Kemang dekat sini, petang ini, beliau mengingatkan setiap wakil rakyat bekerjasama dalam pengumpulan maklumat ini.

Menurutnya, Umno sebagai sebuah parti tidak setadar menjalankan kegiatan-kegiatan politik sahaja, malah turut membuat kebajikan kepada rakyat.

Menyentuh perkembangan politik semasa di negara ini, Datuk Mohd Isa memberi ingatan kepada ahli-ahli parti bahagian supaya jangan menjadikan politik sebagai kaneh perjudian.

Katanya, ini boleh merugikan Umno pada keseluruhannya.

Katanya lagi, walaupun ahli-ahli Umno pada hari ini adalah mereka yang matang berpolitik, tetapi masih ada yang menggunakan parti untuk kepentingan diri.

"Apa yang dikesalkan ialah, perbuatan ini boleh menimbulkan curiga dan kecil hati sesama ahli," tegas beliau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia